

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah banjir di Kampung Sri Aman dan Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah banjir kilat yang melanda Kampung Sri Aman dan Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong.

Bagi Kampung Sri Aman, kerja-kerja jangka panjang yang telah dijalankan oleh pihak JPS Negeri Selangor adalah seperti berikut :

- i. Membina saluran keluar dari Kolam Buaya ke Sungai Klang pada tahun 2009 dengan kos sebanyak RM750,000.00;
- ii. Menaik taraf tebing Sungai Air Hitam serta kerja-kerja berkaitan yang telah dijalankan pada tahun 2013 dengan kos sebanyak RM3 juta; dan
- iii. Peruntukan sebanyak RM2 juta telah dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi program menaik taraf sistem saliran di Lorong Bestari 1.

Manakala bagi Kampung Kuala Sungai Baru, JPS Negeri Selangor telah melaksanakan kerja-kerja jangka panjang seperti berikut :

- i. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pada sistem saliran bermula dari parit utama hingga ke Pintu Air di Kampung Kuala Sungai Baru yang telah dijalankan pada tahun 2014 dengan kos sebanyak RM19,000.00

Sekian, terima kasih.